

Headline	Syor cuti sekolah berperingkat ikut negeri		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	13	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	491 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,860
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,580



ISU

Syor cuti sekolah berperingkat ikut negeri

Georgetown: Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan akan mencadangkan supaya cuti sekolah dibuat secara berperingkat bagi memacu sektor pelancongan dan mengurangkan kesesakan di beberapa tempat tumpuan pelancong tempatan.

Timbalan Menterinya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik, berkata pihaknya mencadangkan supaya cuti sekolah bagi tiga penggal pertama persekolahan dibuat secara berperingkat mengikut negeri, yang biasanya pada Mac, Jun dan September.

“Mungkin kita boleh bahagikan negeri di kawasan utara, selatan dan pantai timur supaya tempoh minggu cuti sekolah di negeri ini berbeza antara satu sama lain.

“Dengan cuti sekolah secara berperingkat ini, kawasan tumpuan pelancong dalam negara akan menerima jumlah kunjungan pelancong lebih sekata sepanjang masa dan bukannya seperti keadaan sekarang apabila keadaan menjadi terlalu sesak menjelang tiba cuti sekolah.

“Kami sedang mengumpul data dari pihak hotel dan pengusaha sektor pelancongan sebelum berbincang dengan Kementerian Pendidikan,” katanya kepada pembe-

rita selepas merasmikan Seminar Arkeologi Negara Keempat, di sini, semalam.

Bakhtiar berkata, pada musim cuti sekolah, kebanyakan tempat tumpuan pelancong sesak, seperti di Melaka dan Cameron Highlands.

Cadangan itu bagaimanapun, katanya, tidak akan membabitkan cuti hujung tahun yang seragam di seluruh negara.

Beliau berkata, beberapa negara luar seperti Amerika Syarikat dan Australia juga sudah menggunakan pendekatan itu bagi mengelak kesesakan pelancong.

Iktiraf 4 lagi tapak

Sementara itu, Bakhtiar berkata, pihaknya sedang mendapatkan persetujuan daripada beberapa kerajaan negeri untuk membolehkan empat lagi destinasi di Malaysia diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Empat tapak itu adalah Taman Negara; Royal Belum di Grik, Perak; Permatang Kuarza di Gombak, Selangor dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

“Kami berdepan beberapa cabaran untuk mendapatkan persetujuan

Headline	Syor cuti sekolah berperingkat ikut negeri		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	13	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	491 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,860
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,580

[FOTO RAMDZAN MASIAM / BH]



Muhammad Bakhtiar (tiga dari kiri) diberi penerangan mengenai bahan arkeologi oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Datuk Dr Mokhtar Saidin (kiri) sambil diperhatikan Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara, Datuk Dr Zainah Ibrahim (tiga dari kanan) ketika Seminar Arkeologi Negara Keempat, di Georgetown, semalam.

Fakta nombor

13 TAPAK
diwartakan
sebagai Tapak
Warisan Negara

juan daripada kerajaan Pahang, Kelantan dan Terengganu bagi tapak Taman Negara sejak 10 tahun lalu, tetapi bagi tiga tapak lagi, tiada sebarang masalah.

“Saya harap ketiga-tiga negeri ini dapat memberi persetujuan segera supaya kami dapat memanjangkannya kepada UNESCO,” katanya

Pada masa ini, empat tapak di Malaysia sudah diiktiraf oleh UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia iaitu Georgetown, Pulau

Pinang dan Melaka; Lembah Lenggong di Perak; Taman Negara Kinabalu di Sabah dan Taman Negara Mulu di Sarawak.

Sebagai rekod, Malaysia kini mempunyai 965 tapak arkeologi dengan 822 tapak berada di daratan, manakala 143 tapak lagi di dasar laut.

Sebanyak 13 tapak diwartakan sebagai Tapak Warisan Negara dan lapan lagi sebagai tapak warisan di bawah Jabatan Warisan Negara.

BERNAMA